

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



BANK ISLAM JALIN USAHA SAMA DENGAN QWORK UNTUK MEMACU RANGKUMAN KEWANGAN DAN MEMPERKASA EKONOMI GIG

KUALA LUMPUR, Ahad, [15 Oktober 2023]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) meneruskan misinya untuk memperluas rangkaian kewangan dan memperkasakan komuniti yang kurang mendapat khidmat kewangan menerusi jalinan usaha sama strategik dengan Qwork. Platform dipacu komuniti ini menghubungkan perniagaan dengan pelbagai pekerja bebas yang berbakat.

Menerusi kerjasama ini, Bank Islam berhasrat untuk meneroka himpunan meluas pekerja bebas dalam platform intuitif Qwork bagi menyediakan penyelesaian kewangan fleksibel yang bersesuaian dengan keperluan mereka. Dengan bersandarkan rangkaian bakat pada Qwork, Bank Islam berhasrat untuk menangani cabaran ekonomi yang dihadapi tenaga kerja serta menawarkan mereka akses terhadap produk dan perkhidmatan perbankan patuh Syariah.

Bank Islam boleh mempromosikan kerja-kerja yang diiklankan pada Qwork dalam aplikasi perbankan mudah alih Be U by Bank Islam yang juga 100% digital. Selain akses perkhidmatan perbankan, pelanggan boleh menggunakan fungsi 'Gig Marketplace' dalam aplikasi berkenaan untuk mencari peluang pendapatan yang disediakan Qwork. Usaha ini sejajar dengan langkah Be U by Bank Islam dalam memberi maklum balas terhadap keperluan golongan muda yang mencari wang tambahan menerusi kerja-kerja jangka pendek.

Ketua Pegawai Digital Kumpulan Bank Islam, Noor Farilla Abdullah menzahirkan semangat beliau mengenai usaha sama ini. Katanya, **"Kami amat gembira bekerjasama dengan Qwork dalam meneruskan usaha mempertingkatkan lagi aplikasi Be U by Bank Islam. Penerapan fungsi terbaharu ini ke dalam aplikasi tersebut akan memperkasakan pengguna untuk menguruskan kewangan mereka serta meraih pendapatan. Dengan segalanya pada satu platform tunggal, pengguna boleh mengesan dan mengurus kewangan mereka serta mendapatkan akses terhadap penyelesaian yang khusus buat pekerja bebas. Kerjasama ini sejajar**

dengan komitmen kami untuk memenuhi keperluan komuniti yang kurang mendapat khidmat perbankan dan menggalakkan amalan kewangan yang saksama.”

Pada September 2023, Be U by Bank Islam melancarkan kad debitya yang 100% dikeluarkan, dihantar dan diuruskan menerusi aplikasi tersebut. Selain menyediakan kemudahan pembayaran yang mudah, aplikasi Be U by Bank Islam terus menawarkan penyelesaian-penyelesaian bertumpukan pelanggan, khasnya bagi generasi muda dan pekerja bebas. Bank Islam merancang untuk memperkenalkan pilihan pembiayaan fleksibel, penyelesaian pembayaran digital dan perkhidmatan perancangan kewangan dalam aplikasi berkenaan.

Dengan memahami keperluan dan cabaran yang dihadapi komuniti pekerja bebas, Bank Islam berhasrat untuk menyediakan sokongan dan alatan yang bersesuaian bagi membolehkan mereka maju dalam ekonomi yang dinamik hari ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Qwork, Muna Munirah, menekankan kepentingan usaha sama itu dengan berkata, **“Kami amat berbesar hati bekerjasama dengan Bank Islam bagi memperkasakan pekerja bebas dan menyediakan mereka akses terhadap produk dan perkhidmatan perbankan Islam. Kolaborasi ini bertujuan untuk mendemokrasikan manfaat seumpama bekerja di sebuah syarikat multinasional bagi pekerja gig atau dikenali sebagai pekerja bebas di Qwork.”**

Bank Islam dan Qwork percaya bahawa usaha sama ini akan memberikan impak signifikan dalam kalangan komuniti pekerja bebas, menggalakkan kestabilan kewangan dan membuka peluang pertumbuhan baharu. Menerusi penggabungan kepakaran dan sumber, kedua-dua organisasi ini komited untuk mewujudkan sebuah ekosistem yang menyokong aspirasi kewangan pekerja bebas. Usaha ini seterusnya akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sdn Bhd. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Untuk maklumat lanjut, sila emel ke: media@bankislam.com.my.